



**SURAT SETUJU TERIMA TAWARAN
(UNTUK BEKALAN)**

No. Rujukan : **PPUM/MRD/226/2 ()**

Tarikh : _____

Kepada : _____

Tuan,

Setuju Terima Tawaran :

Rujukan Tawaran : _____

Merujuk kepada tawaran tuan untuk pembekalan yang tersebut di atas, Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) dengan ini memberitahu tuan dengan sukatanya bahawa Universiti Malaya telah bersetuju menerima tawaran tuan yang bernilai **Ringgit Malaysia : _____** (nyatakan nilai perjanjian dalam perkataan) (**RM _____**).

2. Dengan penerimaan tawaran tuan oleh Universiti Malaya, tuan adalah dinasihatkan bahawa suatu ikatan Kontrak terwujud di antara Pusat Perubatan Universiti Malaya dengan tuan. Bersama dengan ini disertakan dua (2) naskah Kontrak untuk ditandatangan dan dimatikan setem oleh tuan.
3. Tuan adalah diingatkan bahawa mengikut syarat-syarat tender, tuan adalah dikehendaki menyempurnakan perkara-perkara berikut:

- 3.1 Mendepositkan suatu Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank/Jaminan Insurans yang tak boleh batal dari sebuah Bank/Syarikat Insurans yang diluluskan dan didaftarkan di Malaysia dengan jumlah sebanyak **Ringgit Malaysia** (nyatakan nilai perjanjian dalam perkataan) (**RM _____**) yang merupakan **_____ peratus** (nyatakan nilai peratusan dalam perkataan) (**_____ %**) dari nilai kontrak setahun dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini;

Apa-apa kegagalan mematuhi kehendak-kehendak perenggan 3 ini dalam tempoh masa yang dinyatakan, kecuali jika diabaikan dengan nyata oleh Universiti Malaya, akan menyebabkan penerimaan ini terbatal dan selepas itu Universiti Malaya tidak bertanggungjawab apa-apa kepada tuan berkaitan perkara ini.

4. Tarikh permulaan kontrak ini sebagaimana yang disebutkan dalam syarat-syarat kontrak adalah pada _____ tetapi tiada bekalan atau perkhidmatan di bawah Kontrak ini boleh dimulakan kecuali dan sehingga tuan telah mematuhi peruntukan perenggan 3 di atas.

5. Surat setujuterima ini dihantar kepada tuan dalam dua (2) salinan. Sila kembalikan kedua-dua salinan sebelum _____ setelah ditandatangani dan disaksikan dengan sempurna di ruang yang berkenaan ke pejabat ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Sya yang menurut perintah,

.....
[Tandatangan Pegawai]

Nama : _____

Jawatan : Ketua
Jabatan Perolehan

CONTOH

SURAT SETUJUTERIMA SEBUT HARGA

Tarikh : _____

Pusat Perubatan Universiti Malaya,
Lembah Pantai,
59100 KUALA LUMPUR

Setuju Terima Tawaran :
Rujukan Tawaran : _____

Merujuk kepada surat tuan _____ mengenai perkara tersebut di atas, adalah dimaklumkan bahawa setelah meneliti isi kandungan surat tuan, kami dengan ini bersetuju terima/tidak bersetuju terima di atas tawaran tersebut.

2. Pihak kami faham bahawa dengan menyetujuterima tawaran ini kami akan menyediakan deposit cagaran seperti jumlah yang dinyatakan dalam surat tuan itu dalam tempoh tawaran sedang berjalan. Kami juga sedia maklum bahawa dengan kegagalan kami untuk berbuat demikian akan mensabitkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.
3. Sehingga satu perjanjian rasmi dibuat, setuju terima kontrak ini adalah dianggap sebahagian daripada perjanjian antara pihak kami dengan tuan.

Sekian, terima kasih.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak petender :

(Tandatangan)

Nama: _____

No. Kad Pengenalan: _____

Jawatan: _____

Cop : _____

Saksi : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan: _____

Jawatan : _____
